



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

**Akta A1620**

**AKTA PERBEKALAN (PENGUNTUKAN SEMULA  
PERUNTUKAN PERBELANJAAN) 2020**

Tarikh Perkenan Diraja ... .. 10 Oktober 2020

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... .. 22 Oktober 2020

Hakcipta Pencetak (H)

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta A1620

### **AKTA PERBEKALAN (PENGUNTUKAN SEMULA PERUNTUKAN PERBELANJAAN) 2020**

Suatu Akta bagi menguntukkan semula sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebagaimana yang diperuntukkan melalui Akta Perbekalan 2020 [*Akta A1608*] untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2020 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu.

[ ]

BAHAWASANYA, berikutan pembentukan Kabinet baharu pada 10 Mac 2020, beberapa kementerian telah disusun semula dan dinamakan semula, beberapa kementerian baharu telah ditubuhkan dan satu kementerian telah dibubarkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan kepada kementerian-kementerian lain:

DAN BAHAWASANYA perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu serta kementerian yang dibubarkan telah diperuntukkan melalui Akta Perbekalan 2020:

DAN BAHAWASANYA terdapat keperluan untuk menyelaraskan peruntukan perbelanjaan berkenaan dengan beberapa kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsi kementerian:

DAN BAHAWASANYA amaun yang belum dibelanjakan berhubung dengan kementerian yang telah dibubarkan dan kementerian-kementerian yang peruntukan perbelanjaannya perlu dikurangkan akan disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah perenggan 13(3)(b) Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*]:

DAN BAHAWASANYA menurut Perkara 100 Perlembagaan Persekutuan, pengantikan semula peruntukan perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula, dan kementerian-kementerian baharu itu hanya boleh dilakukan melalui suatu Akta Perbekalan:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, **DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan (Pengantikan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020.

(2) Akta ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 10 Mac 2020.

### **Pengantikan semula peruntukan perbelanjaan bagi tahun 2020**

2. Maka dengan ini diuntukkan semula sejumlah wang yang tidak melebihi tujuh bilion satu ratus lapan puluh empat juta lapan puluh tiga ribu dua ratus ringgit (RM7,184,083,200) daripada Kumpulan Wang Disatukan sebagaimana yang diperuntukkan melalui Akta Perbekalan 2020 untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2020.

#### JADUAL

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaun</i> (RM)
B. 6	Jabatan Perdana Menteri	310,621,700
B. 10	Perbendaharaan	17,253,000
B. 11	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	2,405,900

*Perbekalan (Penguntukan Semula  
Peruntukan Perbelanjaan)*

5

JADUAL		
<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaun (RM)</i>
B. 14	Kementerian Perpaduan Negara	240,452,000
B. 22	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	189,165,000
B. 23	Kementerian Tenaga dan Sumber Asli	102,603,900
B. 24	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	10,000,000
B. 30	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	12,410,600
B. 33	Kementerian Alam Sekitar dan Air	305,993,400
B. 43	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	70,366,000
B. 64	Kementerian Pengajian Tinggi	5,922,811,700
	JUMLAH	<hr/> 7,184,083,200 <hr/>